



21 MAY, 2026

Isu tanah kerajaan punca Kampung Kuala Sat tiada bekalan elektrik 13 tahun

Utusan Malaysia, Malaysia



Isu tanah kerajaan punca Kampung Kuala Sat tiada bekalan elektrik 13 tahun

JERANTUT: Masalah seorang penduduk Kampung Kuala Sat, Ulu Tembeling yang tidak mendapat bekalan elektrik sejak 13 tahun lalu berpunca daripada status tanah kediamannya yang dibina atas tanah milik kerajaan.

Difahamkan, status tanah tersebut menjadi halangan utama buat Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk melaksanakan kerja-kerja pemasangan talian elektrik ke rumah berkenaan.

Ahli Dewan Undangan (ADUN) Lantikan kerajaan negeri, Haris Salleh Hamzah berkata, pihaknya sebelum ini sedia maklum dengan masalah dihadapi penduduk berkenaan.

“Kita sebelum ini telah hubungi TNB untuk mengetahui status bekalan tersebut. Kini masalah itu sudah selesai dan saya dimaklumkan TNB sudah menerima permohonan penduduk berkenaan, manakala kelulusan sudah diperolehi dari-

pada Kementerian Kemajuan Desa Wilayah (KKDW) untuk memasang tiang dan bekalan ke rumah berkenaan.

“Saya difahamkan sebanyak 33 batang tiang akan dipasang untuk menyambung talian bekalan dan dijangka siap dalam masa terdekat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Haris Salleh berkata, pihaknya juga akan berbincang dengan Pejabat Tanah Daerah Jerantut berhubung status tanah tersebut dan menyelesaikannya dengan cara yang baik tertakluk kepada peraturan sedia ada.

Isu tersebut mendapat perhatian selepas video tular dalam media sosial menunjukkan penduduk berkenaan bersama keluarga menahan kenderaan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, ketika baginda melalui lawatan ke mukim Ulu Tembeling.